



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 9 Mac 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



BANTUAN: Rina (dua kiri) dan Mohd Roli (kiri) menyampaikan insentif RM100 kepada peniaga bazar di Sabindo.

1,000 pengunjung Bazar Ramadan Sabindo terima insentif e-dompet

Oleh Hamzah Sanudin

TAWAU: Seramai 1,000 pengunjung Bazar Ramadan Sabindo menerima insentif RM20 setiap seorang menerusi e-dompet Touch 'n Go, manakala 20 peniaga bazar menerima RM100 seorang dalam usaha merancakkan aktiviti jual beli sepanjang bulan Ramadan.

Inisiatif yang dilaksanakan dengan kerjasama Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sabah itu bertujuan

menarik lebih ramai pengunjung berbelanja di bazar berkenaan selain menyokong peniaga kecil tempatan.

Pembantu Menteri Wanita, Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat, Datuk Rina Jainal berkata, usaha itu dilaksanakan susulan maklum balas yang diterima daripada peniaga mengenai jumlah pengunjung yang ramai, namun kadar pembelian masih rendah.

Katanya, keadaan itu menyebabkan sebahagian peniaga kurang memperoleh jualan seperti

yang diharapkan walaupun bazar dipenuhi pengunjung.

"Kita menerima banyak aduan daripada peniaga di mana jumlah pengunjung ke bazar Ramadan ramai, namun pembeli yang berbelanja tidak ramai.

"Justeru, insentif tanpa tunai ini diharap dapat menggalakkan lebih ramai pengunjung berbelanja sekali gus memberi manfaat kepada peniaga," katanya.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kukusan berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Bazar Ramadan Rahmah di sini pada Sabtu.

Dalam pada itu, Rina berharap masyarakat terus memberi kerjasama kepada pihak KPDN dengan menyalurkan aduan rasmi yang lengkap bagi membolehkan tindakan pemantauan dilaksanakan dengan lebih berkesan.

"Kita berharap masyarakat sentiasa aktif memberikan kerjasama kepada KPDN Sabah melalui aduan rasmi yang lengkap supaya pihak kementerian dapat memantau keperluan dan isu di lapangan dengan lebih berkesan," katanya.

▶ Lihat Muka 2

1,000 pengunjung Bazar Ramadan Sabindo terima insentif e-dompet

▶ Dari Muka 1

Sementara itu, Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDN Tawau, Mohd Roli Aliman berkata, pihaknya turut melaksanakan program My SaveFoodBank dengan mengumpul lebih makanan daripada peniaga bazar Ramadan untuk diagihkan kepada golongan memerlukan.

Menurutnya, inisiatif berkenaan bukan sahaja dapat mengelakkan pembaziran makanan, malah membantu

individu yang memerlukan. "Melalui program My SaveFoodBank, kita mengumpul lebih makanan yang masih selamat dimakan daripada peniaga sebelum diserahkan kepada orang ramai," katanya.

Beliau berkata, program berkenaan turut mendapat kerjasama sukarelawan dalam kalangan mahasiswa Kolej Komuniti Tawau yang bertindak sebagai rakan strategik dalam menjayakan inisiatif berkenaan.

建議

慕斯達法：讓更多低收入群受惠

愛心促銷擴至組屋區

（亞庇8日訊）首相署（沙巴及砂拉越事務）部長拿督慕斯達法沙末建議，將實邦加國會選區的“愛心促銷”（Jualan Rahmah）活動擴大至人民組屋社區，讓低收入群體能够以更實惠的價格購買日常必需品。

他表示，此活動反應熱烈，因此他希望能够直接進入人民組屋社區舉辦，让更多B40低收入群體受惠。

他昨天在下南南鎮紀念碑前舉行的愛心促銷活動後，向記者這麼表示。

慕斯達法也是實邦加國會議員。他說，當天活動是配合齋戒月及即將到來的開齋節而舉辦，分別在兩個地點舉行，第一個是在廉價組屋武吉實迪雅園，第二個是在下南南鎮。

“我希望國內貿易及生活費部能够考慮這項建議，在實邦加區內所有的人民組屋社區舉辦愛心促銷活動，為低收入群體提供購買實惠商品的机会。”



愛心促銷計劃（或昌明愛心促銷）是內貿部自2023年以來推行的常設項目，規定每個

州選區每月舉辦3次低价基本必需品促銷，幫助低收入群體減輕生活成本負擔。

慕斯達法（左二）周六巡視在下南南鎮舉辦的愛心促銷活動。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Bekalan kelapa cukup, harga RM1.80 hingga RM2.50 sebiji

Oleh **AIN SAFRE BIDIN**
utusannews@mediamula.com.my

BAGAN DATUK: Bekalan kelapa bagi memenuhi keperluan menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri di daerah ini mencukupi walaupun negara kini berdepan cuaca panas.

Malah, harga kelapa juga kekal stabil antara RM1.80 hingga RM2.50 sebiji bergantung kepada saiz dan kualiti.

Seorang peraih kelapa, Norman Marzuki, 41, berkata, keadaan cuaca panas ketika ini tidak menjejaskan pengeluaran buah kelapa tua yang menjadi sumber utama santan untuk kegunaan masakan tradisi Aidilfitri.

Menurutnya, kualiti buah kelapa yang dituai juga pada tahap baik dengan kebanyakannya bersaiz besar dan menghasilkan santan bermutu tinggi.

"Walaupun cuaca panas,

buah kelapa tidak melawas dan hasilnya memuaskan. Bekalan di sekitar Bagan Datuk mencukupi untuk menampung permintaan semasa Ramadan dan menjelang Aidilfitri.

"Ramai pemilik kebun memaklumkan hasil kali ini sangat baik. Kebanyakan buah bersaiz besar berbanding sebelum ini yang banyak bersaiz kecil dan sukar dijual," katanya ketika ditemui di sini.

Norman yang juga penanam dan peraih kelapa berkata, dia mampu mengumpul ratusan ribu biji kelapa untuk dibekalkan kepada peraih lain termasuk di Kuala Lumpur, Selangor dan beberapa kawasan di Perak.

Jelasnya, bekalan seterusnya diproses bagi menghasilkan santan segar untuk kegunaan sepanjang Ramadan dan persiapan Hari Raya Aidilfitri malah

hingga Aidiladha nanti.

Norman berkata, sebelum ini perubahan cuaca serta musim hujan berpanjangan menyebabkan buah kelapa bersaiz kecil dan tidak menepati piawaian pasaran.

Katanya, keadaan itu menyebabkan berlaku lambakan apabila buah tidak dapat dijual, malah ada yang bercambah dan tidak lagi sesuai untuk diproses menjadi santan.

"Masalah itu berlaku kerana pokok kelapa lama terendam semasa musim hujan. Ketika itu bekalan agak terjejas, namun kini keadaan sudah pulih sepenuhnya.

"Setakat ini saya telah membeli antara 100,000 hingga 300,000 biji kelapa daripada pekebun sekitar bagi menampung permintaan menjelang Aidilfitri, dan jumlah itu dijangka meningkat," katanya.



PEKERJA mengupas kelapa sebelum dijual untuk diproses menjadi santan ketika tinjauan di Tebuk Buluh, Simpang tiga di Bagan Datuk, Perak. - **UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN**



Crackdown on food, fags in Labuan

Ahmad Apong

LABUAN: The Labuan Health Department issued five Notice 32B compounds totalling RM16,500 and seized various food products worth RM539.90 during a joint enforcement operation conducted here in conjunction with the Ramadan sales season.

Labuan Health Department Director Dr Francis Paul said the total value of enforcement action recorded came to RM17,039.90, with 124 units of goods spanning 15 item categories confiscated for suspected non-compliance with food safety regulations.

Eight supermarkets were inspected during the operation, with four premises subjected to enforcement action involving the seizure and confiscation of food products.

Enforcement under the Control of Tobacco Product for Public Health Act was also carried out, resulting in the seizure of 47 cartons of cigarette products valued at RM4,983.90. Two notices of offence were issued against two supermarkets in connection with the tobacco violations.

The operation involved 40 enforcement personnel from the Labuan Health Department, the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living, the Jabatan Agama Islam and the Labuan Corporation.

Dr Francis said operations of this nature are conducted to ensure food safety standards and compliance with public health legislation are consistently upheld.

He advised traders to always observe food hygiene and safety regulations to avoid enforcement action by the authorities.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 9 MAC 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
9-Mar	Measures to address cost of living pressures	https:// www.dailyexpress.com.my/ news/277092/measures-to- address-cost-of-living-pressures/	DAILY EXPRESS
9-Mar	Sindiket untung besar jual minyak paket subsidi sebagai minyak terpakai kepada industri	https:// www.bharian.com.my/ berita/ nasional/2026/03/1517725/ sindiket-untung-besar-jual- minyak-paket-subsidi-	BERITA HARIAN
9-Mar	Gunting peket minyak masak subsidi, jual semula sebagai minyak terpakai kepada industri	https:// www.hmetro.com.my/amp/ mutakhir/2026/03/1330384/ gunting-pekut-minyak- masak-subsidi-jual-semula- sebagai-minyak-terpakai	HARIAN METRO
9-Mar	Sindiket seleweng minyak masak bersubsidi tumpas	https://www.buletintv3.my/ nasional/sindiket-seleweng- minyak-masak-bersubsidi- tumpas/	TV3
9-Mar	Sindiket jual minyak masak peket bersubsidi sebagai minyak masak terpakai tumpas	https:// www.utusan.com.my/ nasional/2026/03/sindiket- jual-minyak-masak-pekut- bersubsidi-sebagai-minyak-	UTUSAN
9-Mar	Sindiket jual semula minyak masak peket sebagai 'minyak terpakai' tumpas	https:// www.freemalaysiatoday.co m/category/bahasa/ tempatan/2026/03/06/ sindiket-jual-semula-minyak -masak-pekut-sebagai-	FMT
9-Mar	KPDN cripples syndicate selling subsidised cooking oil as industrial supply	https://www.nst.com.my/news/ regional/2026/03/1391024/kpdn -cripples-syndicate-selling- subsidised-cooking-oil-industrial? source=widget#google_vignette	NST

9-Mar	KPDN bongkar sindiket gunting minyak masak peket subsidi, jual semula sebagai minyak terpakai	https:// www.sinarharian.com.my/ ampArticle/770655	SINAR HARIAN
9-Mar	Mengaku sorok 500 liter petrol, lelaki didenda RM12,000	https://www.hmetro.com.my/ mutakhir/2026/03/1330400/ mengaku-sorok-500-liter-petrol- lelaki-didenda-rm12000	HARIAN METRO
9-Mar	Dilema Bazar Ramadan: Antara Harga dan Kualiti	https://news.umpsa.edu.my/ experts/dilema-bazar-ramadan- antara-harga-dan-kualiti	UMPSA
9-Mar	Perak food rescue team back in action at 12 sites	https://www.thestar.com.my/ metro/metro-news/2026/03/06/ perak-food-rescue-team-back-in- action-at-12-sites	THE STAR
9-Mar	Melaka Domestic Trade Ministry aims to salvage 30 tonnes of surplus food through Ramadan food bank initiative	https://www.malaymail.com/ news/malaysia/2026/03/06/ melaka-domestic-trade-ministry- aims-to-salvage-30-tonnes-of- surplus-food-through-ramadan- food-bank-initiative/211511	MALAYMAIL
9-Mar	Melaka Domestic Trade Ministry aims to salvage 30 tonnes of surplus food through Ramadan food bank initiative	https://theleaders-online.com/ melaka-domestic-trade-ministry- aims-to-salvage-30-tonnes-of- surplus-food-through-ramadan- food-bank-initiative/	THE LEADERS
9-Mar	Beli minyak masak paket guna MyKad dijangka bermula akhir tahun ini	https://www.bharian.com.my/ berita/ nasional/2026/03/1517756/beli- minyak-masak-paket-guna- mykad-dijangka-bermula-akhir-	BERITA HARIAN

9-Mar	Kerajaan peruntuk RM317 juta, pastikan bekalan barang asas ke pedalaman	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kerajaan-peruntuk-rm317-juta-pastikan-bekalan-barang-asas-ke-pedalaman/	RTM
9-Mar	Usaha Kerajaan Persekutuan, Sabah bantu mahasiswa amat dihargai - Armizan	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/usaha-kerajaan-persekutuan-sabah-bantu-mahasiswa-amat-dihargai-armizan	ASTRO AWANI
9-Mar	KPDN hargai usaha Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Sabah ringankan kos sara hidup mahasiswa	https://www.tvsarawak.my/2026/03/08/kpdn-hargai-usaha-kerajaan-persekutuan-kerajaan-sabah-ringankan-kos-sara-hidup-mahasiswa/	TVS
9-Mar	KPDN hargai inisiatif Sabah, Persekutuan ringankan kos perjalanan mahasiswa – Armizan	https://suara.tv/08/03/2026/kpdn-hargai-inisiatif-sabah-persekutuan-ringankan-kos-perjalanan-mahasiswa-armizan/	SUARA TV
9-Mar	Armizan Sempurnakan Program Sentuhan Kasih, Jualan Rahmah Madani di Papar	https://www.nabalunews.com/post/armizan-sempurnakan-program-sentuhan-kasih-jualan-rahmah-madani-di-papar	NABALU NEWS
9-Mar	532 Kompaun Serta Merta Dikeluarkan Menerusi Ops Pantau 2026	https://malaysiaaktif.my/2026/03/532-kompaun-serta-merta-dikeluarkan-menerusi-ops-pantau-2026/	MALAYSIA AKTIF
9-Mar	Ops Pantau: 532 Compounds Issued Totalling Over RM143,000 – Fuziah	https://malaysiantribune.com/ops-pantau-532-compounds-issued-totalling-over-rm143000-fuziah/	MALAYSIAN TRIBUNE
9-Mar	Dua peniaga dikompaun gagal pamer tanda harga	https://sabahmedia.com/2026/03/08/dua-peniaga-dikompaun-gagal-pamer-tanda-harga/	SABAH MEDIA